

23/11/2003

MT gugurkan lima ketua (HL)

Ridzuan Yop; Ismail Mat

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam, meluluskan senarai Jawatankuasa Penaja Umno bagi 191 bahagian termasuk 26 bahagian baru di seluruh negara dengan menyaksikan beberapa perubahan termasuk lima ketua bahagian digugurkan.

Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata perubahan pucuk pimpinan pada peringkat bahagian itu perlu bagi memantapkan jentera Umno dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat khas MT itu selama lebih tiga jam, berkata keputusan itu adalah muktamad dan ibu pejabat Umno akan menghantar senarai nama jawatan kuasa itu kepada semua badan perhubungan Umno di seluruh negara.

"Perubahan ini tidak banyak yang dibuat tetapi yang kita ambil kira betapa perlunya kekuatan parti ditingkatkan, jentera pilihan raya yang ada pada waktu ini disusun dan digiatkan lagi.

"Di samping itu, kita juga mengekalkan ahli jawatankuasa yang dipilih pada perhimpunan agung Umno lalu dan prinsip itu kita pertahankan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT, di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Dalam perubahan itu, ketua bahagian yang paling ramai digugurkan iaitu empat dari Kelantan, manakala seorang dari Pulau Pinang.

Di Kelantan, mereka yang digugurkan iaitu Ketua Bahagian Kubang Kerian, Tuan Mohamad Hashim Tuan Yaacob digantikan Datuk Ahmad Rosli Ibrahim; Ketua Bahagian Kuala Krai, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Datuk Romzi Abd Rahman); Ketua Bahagian Bachok, Datuk Shahbuddin Mohd Noor (Datuk Dr Awang Adek Hussin) dan Ketua Bahagian Pasir Mas, Datuk Paduka Ibrahim Ali (Datuk Rahim Abdul Rahman).

Di Pulau Pinang, Ketua Bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad digugurkan dan digantikan dengan Datuk Abdul Jalil Majid sebagai ketua bahagian yang baru.

Beberapa perubahan kepemimpinan pada peringkat bahagian di negeri lain membabitkan perpindahan ke kawasan baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya serta kepemimpinan sedia ada memberi laluan kepada pimpinan lain.

Bagi Bahagian Kubang Pasu yang dikosongkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau digantikan oleh bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff.

Bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat turut memberi laluan sebagai Ketua Bahagian Pulau kepada anaknya, Datuk Nur Jazlan bagi menerajui bahagian itu.

Pengumuman itu, turut menyaksikan beberapa dua Menteri Besar menjadi Ketua untuk dua bahagian serentak iaitu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob bagi kawasan Indera Mahkota dan Bentong dan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (Serdang dan Sungai Besar).

Selain itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Setiausaha Kerja Umno turut menjadi Ketua Bahagian bagi dua kawasan iaitu Bahagian Seputeh dan Putrajaya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein pula dilantik sebagai Ketua Bahagian bagi Semberong (kawasan baru) selepas berpindah dari Tenggara dan tempatnya diambil alih oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Tenggara, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan menjadikan satu-satunya wanita yang dilantik sebagai Ketua Bahagian Umno kali ini,

manakala Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said dilantik sebagai Naib Ketua Bahagian Pengerang (kawasan baru).

Ketika ditanya kenapa Kelantan mengalami paling banyak perubahan Ketua Bahagian, Abdullah berkata, ia mengambil kira Kelantan diperintah oleh pembangkang dan perlu perubahan bagi memantapkan lagi jentera parti.

"Umno perlu sedia membuat perubahan di mana sesuai dan kita juga boleh membuat perubahan secara drastik, tetapi kita memilih membuat sedikit perubahan pada Umno Kelantan seperti yang dicadangkan oleh Badan Perhubungan Umno Kelantan," katanya.

Mengenai Terengganu, Abdullah berkata, tidak ada perubahan kepemimpinan dibuat selepas Timbalan Pengerusi Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh memberi pandangan mereka berhubung kedudukan Umno Terengganu.

Ditanya sama ada Ketua Bahagian Penaja yang baru itu akan menjadi asas kepada kriteria pemilihan calon dalam pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata ia bukan satu jaminan.

"Ia (jadi ketua bahagian) bukan satu jaminan atau peraturan tertentu dan undang-undang kalau jadi ketua bahagian kena jadi calon," katanya.

Ditanya kemungkinan wujud bantahan berhubung keputusan itu, Abdullah berkata, keputusan itu adalah muktamad serta demi kepentingan parti dan keputusan dibuat bukan atas kepentingan individu dan mana-mana kumpulan.

Beliau berkata, sememangnya ada pihak yang mungkin tidak berpuashati tetapi perkara itu diputuskan selepas MT membuat penelitian sejak beberapa bulan lalu dan semua pihak mesti akur dengan keputusan itu.

"Saya percaya tidak ada ahli yang akan membantah kerana perkara itu sudah diserahkan kepada MT untuk membuat keputusan," katanya yang yakin ia